



SOALAN LAZIM (FAQ)

PROGRAM SARINGAN PRIHATIN PERKESO (PSP PERKESO)

Ujian Saringan Covid-19 Kepada Pencarum PERKESO Di Negeri-Negeri Yang Terlibat PKP Bersyarat

22 OKTOBER 2020

1. APAKAH ITU PROGRAM SARINGAN PRIHATIN (PSP) PERKESO?

Program saringan COVID-19 yang ditawarkan kepada semua pekerja termasuk pekerja asing bagi syarikat yang beroperasi sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan PERKESO.

2. APAKAH OBJEKTIF PROGRAM SARINGAN PRIHATIN (PSP) PERKESO?

Program PSP PERKESO ini adalah bertujuan untuk membantu kerajaan mengawal penularan wabak Covid-19 di dalam industri yang perlu beroperasi sewaktu tempoh PKPB.

3. APAKAH KRITERIA KELAYAKAN PSP PERKESO?

PSP PERKESO layak untuk digunakan oleh semua pencarum PERKESO termasuk pekerja asing yang bekerja di negeri-negeri yang terlibat PKPB yang meliputi Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Kedah, Sabah dan Labuan.

4. SEKIRANYA PEKERJA PERNAH MENJALANI SARINGAN MELALUI PSP PERKESO SEBELUM INI, ADAKAH BELIAU BOLEH MENJALANI SARINGAN BUAT KALI KEDUA?

Pencarum yang pernah menjalani saringan PSP sebelum ini boleh menjalani saringan semula di dalam perluasan skop ini.

5. APAKAH JENIS SARINGAN YANG DIJALANKAN MELALUI PSP PERKESO?

Ujian saringan COVID-19 yang dijalankan melalui PSP menggunakan kaedah RT-PCR sebagaimana pengesyoran oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

6. APAKAH KAEDAH PELAKSANAAN SARINGAN COVID-19 MELALUI PSP PERKESO?

PSP PERKESO dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu Subsidi Saringan Prihatin atau menerusi Panel Perkhidmatan yang dilantik PERKESO. Kemudahan ini terhad untuk dijalankan melalui majikan sahaja.

7. BAGAIMANAKAH PSP PERKESO MELALUI SUBSIDI SARINGAN PRIHATIN DILAKSANAKAN?

Majikan yang ingin menggunakan kemudahan PSP melalui Subsidi Saringan Prihatin, saringan COVID-19 boleh dijalankan melalui makmal selain daripada panel perkhidmatan PERKESO. Kos saringan hendaklah dibayar oleh majikan terlebih dahulu dan permohonan untuk subsidi boleh dibuat melalui Portal SSP di ssp.perkeso.gov.my. PERKESO akan membuat bayaran balik subsidi sehingga RM150.00 bagi setiap pekerja yang telah menjalani saringan COVID-19 manakala kos lebihan saringan perlu ditanggung oleh majikan sendiri.

8. BAGAIMANAKAH PSP PERKESO MELALUI PANEL PERKHIDMATAN DILAKSANAKAN?

Majikan boleh menjalankan saringan untuk pekerja bersama panel perkhidmatan yang dilantik oleh PERKESO dengan mengemukakan Lampiran 1 yang lengkap dan membuat janji temu untuk saringan. Majikan perlu menghubungi panel perkhidmatan PERKESO dengan merujuk Direktori Panel Perkhidmatan yang boleh didapati di Portal PSP di psp.perkeso.gov.my. Majikan dan pekerja perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Saringan melalui panel perkhidmatan ini ditanggung sepenuhnya oleh PERKESO.

9. APAKAH DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA SEMASA SARINGAN PSP PERKESO OLEH PANEL PERKHIDMATAN?

Majikan perlu mengemukakan Lampiran 1 yang telah dilengkapkan dan disahkan (berserta cop majikan) kepada panel perkhidmatan PERKESO pada hari saringan dijalankan.

10. ADAKAH SARINGAN BOLEH DIJALANKAN DI PREMIS MAJIKAN?

Majikan boleh berbincang dengan panel perkhidmatan yang dilantik oleh PERKESO atau klinik / hospital swasta yang menawarkan saringan untuk mengetahui sama ada saringan boleh dilakukan di tempat kerja. Kemudahan ini adalah bergantung kepada kapasiti dan kesesuaian serta perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh KKM.

11. ADAKAH PEKERJA AKAN MENDAPAT KEPUTUSAN SARINGAN SETELAH MENJALANI SARINGAN?

Bagi saringan yang dijalankan melalui panel perkhidmatan, keputusan saringan boleh diperolehi melalui emel yang dikemukakan di Lampiran 1. Keputusan saringan akan dihantar oleh panel perkhidmatan melalui emel tersebut. Sekiranya saringan dijalankan melalui Subsidi Saringan Prihatin, majikan perlu berurusan dengan klinik atau hospital untuk mendapatkan keputusan saringan.

12. ADAKAH KEPUTUSAN PSP PERKESO SULIT?

Keputusan PSP PERKESO adalah **SULIT** dan hanya diketahui oleh pekerja, penyedia perkhidmatan dan PERKESO sahaja. Notifikasi akan turut dibuat kepada pihak KKM mengikut garis panduan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pekerja boleh memaklumkan sebarang keputusan saringan secara sendiri kepada majikan masing-masing.

13. APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN SEKIRANYA PEKERJA BELUM MENDAFTAR ATAU MENCARUM DENGAN PERKESO?

Majikan perlu mendaftarkan pekerjaanya sebagai pencarum PERKESO sebelum melayakkan mereka menjalani PSP PERKESO.

14. ADAKAH PSP PERKESO TERHAD KEPADA UMUR PEKERJA TERTENTU?

Tiada had umur bagi saringan ini, tetapi tertakluk kepada pekerja yang masih aktif mencarum.

15. ADAKAH PENCARUM DI BAWAH AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI 2017 (SPS) LAYAK MENGGUNAKAN PSP PERKESO?

Pencarum SPS tidak layak menggunakan PSP PERKESO. Program ini adalah bagi pencarum PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

16. ADAKAH PEKERJA ASING LAYAK MENGGUNAKAN SARINGAN PSP PERKESO?

Pekerja asing yang berdaftar dengan PERKESO layak menjalani PSP PERKESO.

17. ADAKAH MAJIKAN DIBENARKAN UNTUK BEROPERASI SEWAKTU PKPB ATAU SETELAH PEKERJA MENJALANI SARINGAN?

PERKESO hanya menyediakan perkhidmatan untuk saringan COVID-19 sahaja. PERKESO tidak menetapkan syarat pengoperasian bagi industri - industri sewaktu tempoh PKPB.

18. APAKAH LANGKAH YANG DIAMBIL BAGI MENCEGAH PENULARAN WABAK SEWAKTU PROSES UJIAN SARINGAN DIJALANKAN?

Proses menjalani ujian saringan melibatkan ramai pekerja, dan boleh menyebabkan SOP pencegahan Covid-19 seperti penjarakan fizikal terjejas. Oleh itu, ujian di panel perkhidmatan PSP hanya boleh dilakukan melalui janji temu sahaja oleh pihak majikan bagi mendaftarkan pekerja-pekerja mereka. Saringan di makmal/klinik atau hospital adalah terhad bergantung kepada kapasiti ujian yang dibenarkan.

Pekerja perlu sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan sewaktu menjalani ujian. Manakala ujian yang dijalankan di premis majikan turut perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak KKM.

19. BERAPAKAH UJIAN YANG DAPAT DILAKUKAN SETIAP HARI?

Bilangan ujian yang dapat dijalankan setiap hari adalah terhad kepada kapasiti makmal yang menjalankan ujian RT-PCR bagi Covid-19 di negara ini. Oleh itu janji temu bagi ujian tersebut adalah tertakluk kepada kekosongan yang ada di panel-panel perkhidmatan tersebut, sama ada ianya dilakukan di panel PSP PERKESO atau di pembekal-pembekal perkhidmatan lain secara tuntutan subsidi. PERKESO tidak boleh menjanjikan kepada mana-mana pihak bagi ujian dijalankan segera.

20. BILAKAH PELAKSANAAN PSP PERKESO AKAN DITAMATKAN?

PERKESO berhak menamatkan PSP PERKESO pada bila-bila masa tanpa perlu mengeluarkan apa-apa notis terlebih dahulu atau memberi apa-apa alasan kepada keputusan tersebut. Kemudahan ini juga adalah tertakluk kepada tempoh PKPB ataupun sebarang arahan kerajaan berkenaan perkara tersebut.

21. BAGAIMANAKAH PERKESO BOLEH DIHUBUNGI SEKIRANYA TERDAPAT PERTANYAAN LANJUT?

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lanjut, sila hubungi PERKESO melalui talian 03-4264 5089 atau 1-300-22-8000, atau layari Portal PSP di <https://psp.perkeso.gov.my> atau Portal SSP di <https://ssp.perkeso.gov.my>